

514 doktor kontrak letak jawatan tahun ini [METROTV]

Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my




Kuala Lumpur: Seramai 514 pegawai perubatan lantikan kontrak meletakkan jawatan atas pelbagai alasan dari Januari hingga 26 November lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, pada 2017, jumlah mereka yang meletak jawatan seramai 110 orang, 168 orang (2018), 475 orang (2019) dan 511 orang (2020).

"Dalam hal penentuan peletakan jawatan ini, keputusan adalah hak yang diputuskan sendiri pegawai (perubatan lantikan kontrak) atas sebab tertentu.

"Alasan peletakan jawatan yang dinyatakan termasuk menyambung perkhidmatan dalam sektor swasta, atas sebab peribadi, berkhidmat di badan berkanun, melanjutkan pelajaran, masalah kesihatan, berkhidmat di luar negara dan membuka klinik sendiri," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.



GAMBAR HIASAN. FOTO ANIB NISTP

Beliau menjawab soalan asal Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad Amanah-Kuala Selangor) yang bertanya mengenai statistik bilangan pegawai perubatan siswazah yang meletakkan jawatan mengikut tahun dan punca peletakan jawatan itu.

Dr Noor Azmi berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dengan nasib dan masa depan pegawai perubatan lantikan kontrak.

"Kita wujudkan jawatankuasa khas untuk meneliti perkara berkaitan doktor muda ini.

"Menteri (Khairy Jamaluddin) mengambil pendekatan serius mengenai bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini dan akan meneruskan usaha supaya doktor kita dapat meneruskan tugas dengan sebaiknya," katanya.

Disiarkan pada: November 29, 2021 @ 2:51pm